



**ANJAKAN PARADIGMA: PENGUASAAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI  
INTERPERSONAL DALAM KERJA BERPASUKAN MEMBENTUK  
CIRI-CIRI KEBOLEHPASARAN**

**[A PARADIGM SHIFT: MASTERY OF INTERPERSONAL COMMUNICATION  
SKILLS IN TEAMWORK SHAPES EMPLOYABILITY CHARACTERISTICS]**

NOR SURIATI OTHMAN<sup>1\*</sup> & KAMARUL SHUKRI MAT TEH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan (FUPL), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. E-mail: suriatiothman@unisza.edu.my; kamarul@unisza.edu.my

\*Correspondent Email: suriatiothman@unisza.edu.my

*Received: 1 January 2022*

*Accepted: 14 January 2022*

*Published: 16 January 2022*

**Abstrak:** Perubahan paradigma ke arah peningkatan kualiti diri dalam kalangan mahasiswa amat diperlukan bagi menembusi kebolehpasaran dalam pekerjaan global. Anjakan paradigma ini merupakan transformasi diri dengan menguasai ciri-ciri kebolehpasaran yang diperlukan oleh pihak industri. Pihak industri lebih cenderung terhadap penguasaan elemen-elemen kemahiran serta menganggap setiap mahasiswa telah menguasai kemahiran-kemahiran tersebut sebelum memasuki arena pekerjaan. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengetengahkan satu penelitian khusus berkaitan Kemahiran Komunikasi Interpersonal (KKI) yang melibatkan kemahiran-kemahiran tertentu. Artikel ini memfokuskan terhadap satu kemahiran yang melibatkan proses pembelajaran iaitu kemahiran kerja berpasukan. Hakikatnya, kemahiran kerja berpasukan pada peringkat tertiar meningkatkan penguasaan KKI khususnya dalam kalangan mahasiswa. Seterusnya, KKI mampu memberi impak positif terhadap penguasaan ciri-ciri employability serta meningkatkan keterampilan diri. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif dengan data diperoleh menerusi soal-selidik. Dapatan daripada sorotan ini diharap dapat memotivasikan para mahasiswa agar berusaha untuk melakukan anjakan paradigma demi menguasai KKI bagi memenuhi kualiti seperti yang diperlukan oleh pihak industri.

**Kata kunci:** Kemahiran komunikasi interpersonal, anjakan paradigma, kebolehpasaran, keterampilan.

**Abstract:** A paradigm shift towards self-improvement among students is essential in order to penetrate marketability in the global employment. The paradigm shift is a self-transformation by mastering the employability characteristics required by the industry. The industry prioritizes some elements of skills and considers that each student has mastered these skills before entering the employment sectors. Therefore, this article aims to focus on a specific study related to Interpersonal Communication Skills (ICS) that is involves with specific skills. This article focuses on one skill involving the learning process, namely teamwork skills. The fact is, teamwork skills at the tertiary level will increase the mastery of ICS especially among students. Furthermore, the ICS can give a positive impact in the effort to master the characteristics of employability and improve self-skills. The design of this study uses a descriptive analysis method with the data obtained through a set of questionnaires. Finally, it is hoped that the findings from the highlighted literatures can motivate students to strive for a paradigm shift in order to master ICS in order to meet the quality as required by employers.

**Keywords:** Interpersonal communication skill, paradigm shift, employability, efficiency.

**Cite This Article:**

Nor Suriati Othman & Kamarul Shukri Mat Teh. 2022. Anjakan Paradigma: Penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal dalam kerja berpasukan membentuk ciri-ciri kebolehpasaran [A Paradigm Shift: Mastery of Interpersonal Communication Skills in teamwork shapes employability characteristics]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 29-39.

## **PENGENALAN**

Ekonomi Malaysia perlu merancang dan melaksanakan pelan pembangunan strategik untuk terus berdaya saing serta mampan setanding dengan negara-negara maju dalam menghadapi cabaran globalisasi kini. Kepesatan perkembangan teknologi masa kini secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap Malaysia dalam menyahut cabaran antarabangsa khususnya untuk terus mengukuhkan ekonomi negara. Bagi merealisasikan hasrat ini, Malaysia perlu mempunyai sumber manusia yang produktif serta seimbang daripada sudut intelek, jasmani, emosi dan rohani (Noor Afzaliza dan Maizatul, 2021). Sumber manusia merupakan pelaburan yang sangat penting dalam menggerakkan pembangunan negara kita. Oleh itu, institusi pengajian tinggi khususnya universiti-universiti awam mahupun swasta merupakan tonggak utama untuk menghasilkan graduan proaktif serta memiliki pelbagai kemahiran yang amat diperlukan dalam era kini. Inisiatif ini amat penting demi meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan yang setanding dengan graduan lepasan luar negara.

Anjakan paradigma ini dapat direalisasikan menerusi penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal (KKI) dalam kalangan mahasiswa. KKI merupakan satu proses interaktif pada peringkat tertiar yang berupaya membimbing mahasiswa membentuk keterampilan diri sebelum mereka menceburi bidang kerjaya. Realiti dunia kerjaya hari ini, kebanyakan majikan bukan sahaja melihat kepada kelayakan akademik semata-mata, tetapi turut menekankan aspek keterampilan diri yang ditampikan oleh graduan melalui kemahiran-kemahiran lain (Sattar et al, 2018). Selain daripada kelayakan akademik, kemahiran generik yang ditimba semasa pengajian pada peringkat tertiar turut membantu graduan untuk lebih bersedia menghadapi cabaran kehidupan dan pekerjaan. Menurut Nooriah et al. (2013), Nor Afzaliza dan Maizatul (2021), kemahiran generik khususnya kemahiran komunikasi terbukti merupakan faktor penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Antara atribut kemahiran generik dalam elemen kemahiran yang disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah kemahiran komunikasi dan kemahiran bekerja dalam kumpulan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Kemahiran komunikasi juga melambangkan keperibadian seseorang individu. Oleh hal yang demikian, makalah ini bertujuan mengetengahkan penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal (KKI) yang melibatkan salah satu konstruk dalam proses pembelajaran iaitu kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran kerja berpasukan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2014) merupakan kemahiran yang diambil kira oleh kebanyakan pihak majikan untuk menjayakan misi dan visi organisasi mereka. Kebanyakan pihak majikan memberikan keutamaan kepada calon-calon yang memiliki kemahiran komunikasi yang baik, memahami corak sosio-ekonomi semasa serta boleh bekerja secara berpasukan.

Sehubungan dengan itu, Universiti Awam perlu mengorak langkah bagi menghasilkan para graduan holistik, kompeten, berinovatif serta memenuhi kualiti dalam pasaran pekerjaan. Para graduan juga bukan sahaja harus memiliki pencapaian akademik yang baik, bahkan

mereka juga perlu mempunyai nilai-nilai tambah lain yang berupaya menembusi kebolehpasaran seperti yang dikehendaki oleh para majikan. Penguasaan kemahiran komunikasi yang berkesan, beretika dengan personaliti menyerlah disamping pengetahuan profesional merupakan nilai tambah yang mesti dikuasai oleh para graduan. Pengetahuan profesional merangkumi kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran mendengar, berpengetahuan luas, pembelajaran sepanjang hayat serta kemahiran interpersonal (Hazwani & Sheerad, 2020; Mohd & Rajoo, 2016; Shaari, 2012).

## SOROTAN LITERATUR

### Penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal (KKI)

Istilah komunikasi berasal daripada perkataan Latin iaitu *communicare* yang membawa maksud *to make common* atau mewujudkan pemilikan bersama. Apabila mesej disampaikan, ia akan menjadikan maklumat tersebut sebagai milik bersama antara penyampai dan pendengar daripada sudut maklumat, kefahaman, kemahiran serta kepercayaan. Terdapat tiga elemen penting yang berlaku dalam aspek komunikasi iaitu proses, pertukaran mesej serta berkongsi pemahaman pada aras yang sama. Ketiga-tiga elemen tersebut merupakan teori klasik bagi elemen asas dalam komunikasi dan masih diguna pakai sehingga kini.

Penguasaan KKI yang baik dapat diukur menerusi pandangan yang baik serta beretika. Seseorang individu yang menguasai KKI dapat berinteraksi secara beretika dan berkesan demi mengelakkan sebarang konflik (DeVito, 2013). Sesuatu konflik mungkin terjadi akibat kelemahan dalam penguasaan KKI apabila maksud sebenar disalah erti seterusnya meninggalkan kesan negatif daripada sudut pandangan dan perasaan. Oleh hal yang demikian, KKI merupakan elemen yang amat penting yang boleh dipelajari daripada hasil pemerhatian serta pengalaman lalu.

Penguasaan KKI boleh diaplikasikan dalam pelbagai ruang meliputi aspek perhubungan, pendidikan, rawatan, organisasi dan lain-lain. Penguasaan KKI hakikatnya berbentuk interaksi bersemuka (*face to face*) yang dilakukan serentak secara individu atau berkumpulan. Interaksi kedua-dua pihak ini akan merumuskan maklumat yang disampaikan melalui reaksi secara lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non-verbal*) seterusnya memberikan maklum balas. Maklum balas yang diterima pula boleh disampaikan dalam bentuk lisan atau bukan lisan termasuk daripada aspek nada suara, ekspresi muka, gerak badan, dan pilihan ayat. Elemen yang wujud dalam interaksi dua hala dapat digabungkan melalui bahasa lisan dan bahasa bukan lisan. Bahasa lisan berperanan sebagai pelengkap agar maklumat yang disampaikan tepat dan jelas. Namun, keberkesanan KKI bukan sahaja bergantung kepada bahasa secara lisan dan bukan lisan semata-mata, tetapi mesej dan maksud yang disampaikan seharusnya bertujuan mewujudkan persefahaman.

Harun (2018) menjelaskan bahawa manusia banyak berkomunikasi secara interpersonal iaitu sebanyak 30% secara lisan manakala 70% berkomunikasi secara bukan lisan. Namun menurut Nordin, Zawawi dan Harun (2018), sebanyak 7% tumpuan diberikan kepada kandungan mesej yang disampaikan, 38% tumpuan pula kepada perubahan intonasi manakala 55% tumpuan terhadap bahasa bukan lisan. Hal ini sekaligus menyebabkan pendengar akan memberikan tumpuan kepada bahasa bukan lisan sebanyak 93% dalam komunikasi. Menurut

Afzaliza dan Maizatul (2021) pula, kemahiran bukan lisan terbukti berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding dengan bahasa lisan dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. Ini menunjukkan bahawa pendengar lebih cenderung menumpukan kepada bahasa bukan lisan. Fungsi bahasa bukan lisan hanya untuk menyokong dan memudahkan pemahaman mesej tersebut. Penggunaan bahasa bukan lisan dalam proses komunikasi berperanan sebagai pembantu bagi pendengar dalam menumpukan mesej yang disampaikan. Malah, ia turut mempengaruhi interaksi tersebut seterusnya mentafsirkan emosi dan tujuan sebenar maklumat itu disampaikan.

DeVito (1978) menyatakan bahawa komunikasi berlaku apabila proses penyampaian dan penerimaan mesej dalam bentuk lisan atau isyarat disertai dengan maklum balas secara berterusan. Dalam masa yang sama, kombinasi antara bahasa lisan dan bukan lisan saling bergantung dalam menghasilkan komunikasi yang berkesan. DeVito (2013) juga bersetuju bahawa apabila seseorang mampu berkomunikasi secara berkesan dan beretika, maka individu tersebut telah menguasai KKI serta pengetahuan tentang bahasa bukan lisan. Selain itu juga, pengamalan etika merupakan salah satu faktor yang memberi kesan yang baik dalam KKI (DeVito, 2013).

### **Komunikasi Dalam Pembelajaran**

Dalam konteks pembelajaran, pemindahan maklumat dan kefahaman dalam bahasa yang difahami daripada seorang guru kepada pelajar-pelajarnya dalam menerusi simbol-simbol yang difahami. Seterusnya, ia perlu disusuli dengan maklum balas daripada para pelajar yang menandakan maklumat tersebut telah diterima dan difahami sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan. Semasa proses pembelajaran, komunikasi seseorang pelajar melibatkan interaksi bersama rakan, pensyarah dan masyarakat sekeliling sahaja. Namun setelah graduan menceburi bidang pekerjaan, mereka perlu berhubung dan berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi yang pelbagai. Hurley (2008) berpendapat bahawa sebanyak 80% komunikasi berlaku antara seseorang dengan yang lain atau secara berkumpulan yang melibatkan tugas dalam pekerjaan. Dapat dilihat bahawa kemahiran komunikasi telah menjadi satu aspek penting yang amat dititik beratkan oleh majikan-majikan seiring dengan arus globalisasi pada masa ini.

Penguasaan KKI juga merupakan mekanisme yang penting dalam pembentukan hubungan sosial antara individu dengan individu lain. Malah, ia merupakan elemen penting dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di universiti (Institut Aminuddin Baki, 2017). Antara ciri KKI yang boleh diterapkan dalam PdP seperti kemahiran untuk berinteraksi secara lisan dan bukan lisan, kerjasama dalam pasukan, kemahiran mendengar, memotivasi antara satu sama lain, kebolehan menganalisis sikap dan emosi serta mempunyai perasaan empati. Elemen-elemen ini merupakan kemahiran pembelajaran yang dikehendaki dalam abad ke-21, selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melahirkan generasi yang berkebolehan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Sehubungan dengan itu, seni penguasaan KKI perlu dipelajari oleh setiap mahasiswa. Ia boleh dikuasai dalam pelbagai kaedah PdP sama ada di dalam atau di luar bilik kuliah. Melalui kajian yang dijalankan oleh Gardner (1993), beliau merumuskan penguasaan KKI merangkumi kemahiran berkomunikasi, keupayaan mengenali dan memotivasi seseorang,

keupayaan untuk menyampaikan informasi secara berkesan, keupayaan menerima idea, keupayaan menyampaikan maklumat dan keupayaan untuk bertanya soalan. Oleh itu, seseorang mahasiswa dapat menguasai KKI sekiranya ia melibatkan diri dengan aktiviti berterusan semasa dalam proses PdP di dalam kelas serta menyertai pelbagai aktiviti ko-kurikulum yang dianjurkan oleh pihak universiti (Azhar & Marzudi, 2021).

Jika ditelusuri dalam sejarah tamadun Islam pula, Rasulullah S.A.W. mengaplikasikan komunikasi interpersonal dalam menjalankan dakwah baginda (Harun, 2018) sehingga lahirnya generasi rabbani yang hebat. Dengan akhlak baginda yang terpuji, Rasulullah sentiasa menjaga hubungan sesama manusia. Komunikasi interpersonal telah lama digunakan sebagai strategi yang dominan oleh para rasul termasuk Rasulullah S.A.W. Proses komunikasi baginda yang diimbangi dengan akhlak yang mulia, karisma serta hubungan baik sesama manusia telah meninggalkan kesan positif kepada mereka yang mendengarnya. Cara Rasulullah S.A.W yang mempraktikkan strategi komunikasi berkesan disertai pula dengan fakta-fakta kebenaran patut dijadikan inspirasi. Komunikasi interpersonal baginda melibatkan interaksi secara perseorangan atau dalam kumpulan-kumpulan kecil. Keberkesanan komunikasi yang efektif telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. dan ia terbukti telah memberi kesan positif terhadap penerimaan dakwah baginda S.A.W. lantas menjadikan agama Islam berkembang ke serata dunia.

Secara keseluruhannya, Islam menekankan komunikasi secara berhemah dan beradab untuk membentuk hubungan baik sesama manusia. Malah, penyebaran ilmu dan informasi mestilah bertujuan untuk membimbing manusia sejagat ke tahap yang lebih baik berdasarkan kebenaran (Zulkifli & Syarifah, 2016). Natiujahnya, amalan KKI menurut perspektif Islam akan memberi impak positif kepada pembinaan keperibadian manusia yang luhur.

### **Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kki**

Salah satu konstruk dalam kajian KKI ini merupakan kemahiran kerja berpasukan yang merupakan salah satu kemahiran yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Corak pembelajaran berpusatkan pelajar dapat memimpin setiap mahasiswa untuk merangsang dan meningkatkan kemahiran mereka dalam kerja berpasukan (Elias, et al., 2019). Kemahiran kerja berpasukan merupakan elemen yang kritikal dan sangat diperlukan dalam semua sektor pekerjaan. Ia merupakan kemahiran yang diperlukan oleh kebanyakan pihak majikan semasa saringan pemilihan pekerja. Rentetan daripada perubahan corak operasi dalam organisasi sekarang, pihak majikan lebih mengutamakan pekerja yang mempunyai kemahiran kerja berpasukan demi menjayakan misi dan visi organisasi tersebut.

Salah satu faktor kegagalan graduan untuk menembusi kebolehpasaran disebabkan kelemahan dalam kemahiran komunikasi dan kemahiran kerja berpasukan (Siti Halijah & Mohd Faizal, 2019). Oleh itu, komunikasi dalam kerja berpasukan merupakan satu elemen penting dalam penguasaan KKI. Penguasaan KKI juga dapat melatih ahli kumpulan untuk berkomunikasi secara berkesan berdasarkan keadaan persekitaran dan individu yang berbeza. Setiap ahli kumpulan seharusnya menghormati antara satu sama lain, mengikis kepentingan peribadi dan sikap individualistik, menyampaikan maklumat dengan jelas serta tepat, mendengar dengan aktif supaya perancangan dan peranan masing-masing dapat dilaksanakan dengan baik.

Menurut DeVito (1997) kumpulan bermaksud himpunan individu yang berstruktur dan berkomunikasi dalam mencapai matlamat yang sama. Matlamat dapat dicapai apabila setiap ahli kumpulan memberi kerjasama, berkomunikasi dan bersepakat dalam melaksanakan strategi kumpulan mereka. Mereka saling bertukar pendapat daripada segi pengalaman, kemahiran dan kepakaran secara bersepadu untuk menghasilkan natijah yang lebih berkualiti. Dengan itu, hasil yang luar biasa dapat diperolehi daripada satu proses kerjasama. Usaha sama secara kolektif dalam menyumbangkan idea dan menyelesaikan masalah dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

Walaupun setiap pasukan terdiri daripada ahli yang mempunyai latar belakang sosio budaya dan kemahiran yang berbeza, semua ahli kumpulan tetap perlu memainkan peranan masing-masing. Setiap ahli kumpulan harus memberikan kerjasama dalam satu pasukan untuk mencapai objektif bersama melalui perkongsian ilmu, kemahiran, melakukan perancangan dan membuat keputusan (Aida Zuraina & Abdul Aziz (2020); Park et al, (2005). Melalui aktiviti pembelajaran secara berpasukan juga, ia mampu memberi impak positif terhadap kemahiran komunikasi. Dapatan kajian oleh Siti Halijah & Mohd Faizal (2018) ke atas 125 orang pelajar diploma tahun akhir di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah menunjukkan hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah kemahiran kerja berpasukan dengan kemahiran komunikasi. Manakala ujian regresi yang dijalankan menunjukkan nilai 0.46 iaitu mempunyai hubungan sederhana kuat bagi pemboleh ubah kerja berpasukan dan komunikasi.

Kemahiran kerja berpasukan secara khususnya dapat meningkatkan kemampuan seseorang dalam mengawal emosi diri dan membina keyakinan diri dalam hal berkaitan dengan orang lain. Oleh itu, semangat kerja berpasukan merupakan pendedahan awal dalam mengemukakan idea yang kritis dalam penyelesaian masalah sebelum mahasiswa menceburi dalam dunia kerjaya. Terdapat tiga elemen asas dalam pembentukan kumpulan iaitu kesamaan objektif, interaksi dan berstruktur (DeVito, 1997). Objektif kumpulan akan tercapai apabila setiap ahli yang mempunyai kompetensi yang tertentu serta saling bergantung antara satu sama lain meliputi sudut pengetahuan, keupayaan, kepakaran serta berganding bahu memberi komitmen yang jitu.

Mahasiswa yang terlibat dalam kerja berpasukan mestilah melibatkan diri secara aktif dalam memberikan pendapat dan berkongsi maklumat sepanjang proses pembelajaran. Aktiviti pembelajaran berkumpulan yang dilaksanakan dalam memenuhi sesuatu objektif akan melibatkan kerjasama daripada keseluruhan ahli kumpulan. Aktiviti tersebut memerlukan kemahiran komunikasi yang efektif demi mencapai objektif yang telah digariskan. Dalam konteks ini juga, kemahiran kerja berpasukan dapat meningkatkan kemahiran kolaborasi dengan rakan-rakan lain.

Manakala dalam elemen interaksi pula, ia melibatkan beberapa proses tertentu seperti penyampaian maklumat, perbincangan, pembahagian tugas dan penyelesaian masalah. Interaksi dalam konteks ini merujuk kepada bagaimana komunikasi yang efektif dapat menjayakan objektif kumpulan tersebut. Secara tidak langsung, penguasaan KKI dapat menerapkan aspek keterampilan dalam kalangan mahasiswa. Begitu juga dengan amalan konsep syura sangat digalakkan dalam kerja berpasukan untuk mengelakkan kekeliruan. Konsep tersebut memberi penekanan terhadap semua idea yang disumbangkan seterusnya diperhalusi sedalam-dalamnya lalu dipersetujui oleh semua pihak sebelum sesuatu keputusan diambil. Menurut Mazdalifah (2010) sebanyak 71% daripada pihak majikan menitikberatkan kualiti graduan yang

berkeyakinan tinggi, mampu menyumbangkan idea, mengikuti arahan, berkeupayaan untuk berkomunikasi dalam pelbagai bahasa serta memberikan tumpuan semasa perbincangan. Jelas bahawa interaksi yang berkesan serta diadun bersama konsep syura mampu mendidik mahasiswa untuk berkomunikasi dan bekerja secara berkesan, menunjukkan sikap fleksibiliti dan kesanggupan untuk berkompromi dalam mencapai matlamat yang sama sebagai satu pasukan.

Seterusnya, berkaitan elemen struktur pula, ia merupakan antara elemen asas dalam melaksanakan setiap gerak kerja yang dirancang. Kemahiran kerja berpasukan yang berstruktur dapat mengajar cara untuk berkomunikasi secara efektif serta meningkatkan kemahiran bersosial seperti mendengar dengan aktif, menghormati antara satu sama lain, melatih prinsip-prinsip kepimpinan dan melaksanakan peranan masing-masing. Selain daripada itu, hasil kemahiran kerja berpasukan yang berstruktur juga memberi impak positif khususnya terhadap aspek perancangan, pembahagian tugas, kolaborasi dalam menyelesaikan masalah serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi (Aleksander et al, 2005). Sehubungan dengan itu, pengurusan kumpulan yang cekap dan berstruktur mampu menghasilkan prestasi kerja yang tinggi. Oleh itu, melalui pengurusan kumpulan secara berstruktur, mahasiswa dapat mempelajari dan menguasai ciri-ciri penting seperti yang dikehendaki oleh pihak majikan.

### **Keperluan Aspek Kebolehpasaran (*Employability*)**

Dalam era abad ke-21, para graduan berhadapan pelbagai cabaran dalam menembusi kebolehpasaran dalam bidang kerjaya. Ini disebabkan kebanyakan majikan cenderung memilih pekerja yang mempunyai kemahiran khusus yang dikenali sebagai kemahiran kebolehpasaran. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menyarankan agar setiap graduan memiliki kemahiran kebolehpasaran agar graduan mudah mendapatkan pekerjaan. Kemahiran ini dapat menjadikan seseorang pekerja mempunyai kebolehan menjalankan pelbagai tugas berbeza, fleksibel serta berinisiatif. Kemahiran kebolehpasaran merupakan ciri-ciri yang diperlukan oleh pihak industri selain daripada pencapaian akademik (Sattar et al, 2016). Kemahiran kebolehpasaran dan pencapaian akademik yang baik akan menyokong proses pemilihan calon yang bakal menyertai sesuatu organisasi di alam kerjaya. Mereka yakin calon-calon yang memiliki kedua-dua aspek ini adalah mereka yang berpotensi serta berketerampilan dalam pekerjaan (Cabellero & Walker 2010). Seseorang pekerja yang memiliki kemahiran kebolehpasaran merupakan aset kepada organisasi.

Dalam bahasa Inggeris, istilah kemahiran kebolehpasaran dinyatakan sebagai *employability skills*. Kefahaman terhadap istilah ini adalah berbeza-beza. Selain daripada istilah *employability skills*, ia difahami juga sebagai *human skills*, *essential skills*, *core skills*, *soft skills*, *non-technical skills* serta beberapa istilah lain yang merupakan antara elemen yang mempengaruhi kebolehpasaran para graduan masa kini. Kemahiran kebolehpasaran merangkumi kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kemahiran keusahawanan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan dan pembelajaran berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Namun, masih terdapat jurang yang signifikan di antara elemen kemahiran kebolehpasaran dalam kalangan graduan (Zariza et al, 2016). Elemen-elemen kemahiran ini perlu dikuasai oleh setiap graduan kerana ia merupakan aspek penting yang mempengaruhi saringan kebolehpasaran (Siti Halijah & Mohd Faizal, 2018). Berdasarkan

kepada *National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*, kebolehpasaran merupakan ciri-ciri yang dimiliki oleh seseorang individu untuk memasarkan kebolehan dan kecekapan yang ada dalam diri mereka. Ciri-ciri ini mempamerkan kelayakan mereka untuk mendapatkan dan mengekalkan sesuatu pekerjaan di dalam industri. Ciri-ciri kebolehpasaran ini juga amat penting dalam dunia kerjaya untuk memudahkan seseorang berpindah daripada satu skop pekerjaan kepada skop pekerjaan yang lain sama ada di dalam atau di luar organisasi tersebut. Sehubungan dengan itu, hampir kesemua industri dalam pelbagai bidang memerlukan pekerja berkualiti yang memiliki kemahiran kebolehpasaran (Yahya et al, 2013; Sattar et al, 2009). Antara ciri-ciri kemahiran kebolehpasaran yang sering dinilai oleh pihak majikan adalah kemahiran asas, kemahiran interpersonal, kemahiran berfikir, kemahiran teknologi, komunikasi dan kualiti personal (Sattar, et al.,2009). Lanjutan daripada itu, *American Management Association* (2010) mengenal pasti bahawa atribut kepada kemahiran kebolehpasaran seperti pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, kreativiti, inovasi, kemahiran kolaborasi dan kemahiran komunikasi menjadi semakin penting dalam ekonomi global masa kini. Seperti yang dinyatakan oleh Zegward dan Hodges (2003) bahawa kemahiran kebolehpasaran merupakan kriteria yang merangkumi kemahiran generik dan kemahiran asas seseorang individu.

Kemahiran generik juga merujuk kepada 'soft', 'key' atau 'core' yang akan memberi impak positif kepada pekerja yang menguasai kemahiran komunikasi, kemahiran analisis maklumat, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran kerja dalam kumpulan (Yahya et al, 2013, Holmes, 2013, Bennett et al, 1999). Salah satu kemahiran generik adalah kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi ini adalah lebih baik daripada segulung ijazah (Archer & Davison, 2008). Kearns (2001), Norasmah & Mohd Hasril (2010) menyatakan bahawa kemahiran generik merupakan kemahiran yang dikehendaki oleh pihak majikan merentasi pelbagai bidang pekerjaan. Kemahiran generik merangkumi elemen kemahiran kognitif dan kemahiran interpersonal yang berkaitan dengan kebolehpasaran termasuk nilai positif, komunikasi, pembelajaran berterusan, kepimpinan dan kerjasama berpasukan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

Kemahiran generik sebagai kemahiran yang diintergrasi dalam PdP (Rodiah et al., 2009). Kemahiran ini boleh dipindah atau *transferable skills* yang secara tidak langsung mampu mengembangkan potensi dan keyakinan graduan. Seseorang graduan yang memiliki kemahiran dan kualiti yang dapat memenuhi piawaian industri adalah mereka yang telah bersedia menembusi kebolehpasaran (Suleman, 2016). Menurut Hazwani dan Sheerad (2020), kemahiran kesediaan kerja mempunyai pengaruh yang signifikan dengan efikasi sendiri. Sehubungan itu, efikasi sendiri merupakan faktor bagi seseorang untuk mempunyai keyakinan yang tinggi dalam usaha meningkatkan kemajuan diri. Oleh itu, seseorang itu berupaya mencapai cita-citanya sekiranya mereka memiliki efikasi sendiri yang tinggi (Bandura (1993).

## KESIMPULAN

Peranan pihak kementerian dan Universiti Awam amat penting dalam usaha membimbing dan mendedahkan para graduan ke arah keperluan industri masa kini. Ini secara tidak langsung mampu melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang. Penguasaan KKI merupakan salah satu faktor utama untuk melahirkan graduan yang lebih berkeyakinan dan berketerampilan dalam menembusi kebolehpasaran. Usaha ini mampu menurunkan kadar pengangguran dalam



kalangan graduan. Pendedahan kepada aktiviti-aktiviti yang memerlukan kerja berpasukan dapat membimbing penguasaan KKI. Selain itu, KKI mampu mempengaruhi hubungan dan perasaan dalam kerja berpasukan serta bermotivasi antara sama lain. Penglibatan semua ahli kumpulan akan memupuk penghasilan idea yang kreatif untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Dalam hal ini, setiap ahli perlu memberi komitmen sepenuhnya dalam melunaskan peranan masing-masing untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Kemahiran ini turut menjadi kayu pengukur kepada pihak majikan dalam proses penyaringan calon-calon yang akan menyertai organisasi mereka. Rentetan daripada situasi ini, para graduan disarankan melakukan anjakan paradigma dengan membina malakah ilmu serta personaliti yang positif dalam diri mereka di samping memiliki ciri-ciri kebolehpasaran agar menjadi pilihan majikan. Memiliki kemahiran kebolehpasaran menunjukkan kesediaan graduan untuk menghadapi cabaran globalisasi. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa para mahasiswa perlu merubah fasa anjakan paradigma untuk meningkatkan kualiti diri. Mahasiswa bukan sahaja perlu melengkapkan diri dengan pencapaian akademik yang cemerlang tetapi turut disarankan mengintegrasikan ciri-ciri kebolehpasaran dalam usaha mencapai negara maju menjelang tahun 2030.

## RUJUKAN

- Aida Zuraina, M.A.T. & Abdul Aziz, I. (2020). Pembentukan Kemahiran Insaniah Menerusi Program Pembelajaran Berintegrasikan Kerja. *Jurnal Dunia Pendidikan* e-ISSN: 2682-826X | Vol. 2, No. 4, 83-97, 2020 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdspd>.
- Aleksander, P.J.E., Bradford, S.B., Robert, E.P., John, R.H., Daniel, R.I. (2005). An Evaluation of Generic Teamwork Skills Training With Action Teams: Effects on Cognitive and Skill-Based Outcomes. *Personnel Psychology*. Vol. 58, 641–672.
- American Management Association (AMA). (2010). *Executives Say The 21st Century Requires More Skilled Workers*.
- Archer, W., & Davison, J. (2008). *Graduate employability: What do employers think and want?* <http://www.empscompacts.org.uk/resources/LincsandRutland/Grademployability.pdf>.
- Bandura, A. (1993) *Perceived Self-Efficacy in Cognitive Development and Functioning*, *Educational Psychologist*, 28:2, 117-148, DOI: 10.1207/s15326985ep2802\_3.
- Bennett, N., Dunne, E. & Carré, C. Patterns of core and generic skill provision in higher education. *Higher Education* 37, 71–93 (1999). <https://doi.org/10.1023/A:1003451727126>.
- Cabellero, C. L. & Walker, A. 2010. Work readiness in graduate recruitment and selection: a review of current assessment methods. *Journal of Teaching and Learning for Graduate Employability* 1(1): 13-25.
- DeVito, J. A. (1997). *Human Communication. The Basic Course*. Longman. ISBN0060416394, 9780060416393.
- DeVito, J. A. (2013). *The Interpersonal Communication Book* (13th ed.). Longman.
- DeVito, J.A. (1978). *Communicology: An Introduction to the Study of Communication*. 1st edition. Harper & Row, ISBN: 0060416556.

- Elias, F., Hamzah, M., & Abdul Razak, K. (2019). Elements of Thinking in Teaching Student Centered Learning on Faith: A Case Study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 34-50.
- Harun, B. (2018). *Meneladani Komunikasi NonVerbal Rasulullah SAW*. Jilid 6, Bil 2 (2018)/1439H.KK 290-91906 0218. ISSN 2289-2893.
- Holmes, L. (2013). Competing perspectives on graduate employability: possession, position or process?. *Studies in higher education*, 38(4), 538-554.  
<https://www.p21.org/news-events/press-releases/923-executivessay-the-21st-century-requires-more-skilled-workers>.
- Hurley (2008). *The Importance of Strong Business Communication Skills*. McGraw Hill Inc.
- Institut Aminuddin Baki. (2017). *Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21*. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kearns, P., (2001). *Generic Skills For The New Economy, NCVER, Adelaide Marsh, C 1997, Perspectives: Key Concepts For Understanding Curriculum*, Falmer Press.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd, C.Z. C. O. & Rajoo, S. (2016) . Unemployment among graduates in Malaysia. *International Journal of Economics, Commerce and Management United Kingdom* IV(8): 367-374
- Noor Afliza, N.I. & Maizatul, H.M. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 37(1) 2021: 209-226 E-ISSN: 2289-1528 <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-12>.
- Nooriah, Y. Zakiah, J. & Norain, M.L. (2013). Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Kebolehpasaran Graduan dan Persaingan dalam Pasaran Pekerjaan . *Jurnal Personalita Pelajar* 16 (2013): 77-92
- Nor Hazwani, H. & Sheerad, S. (2020). Kemahiran Kesiediaan Kerja, Efikasi Kendiri, Tingkah Laku Keusahawanan dan Eksplorasi Kerjaya dalam kalangan Graduan. *Akademika* 90(Isu Khas 3), 2020: 155-165 <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK3-12>.
- Norasmah, O. & Mohd Hasril, A. (2010). Different perspectives of learning styles from VARK model. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 7, 652-660.
- Nordin, H., Zawawi, I. dan Harun, B. (2017). *Komunikasi bukan lisan dalam pengajaran Bahasa Arab*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Park, S., Henkin, A. B., & Egley, R. (2005). Teacher Team Commitment, Teamwork and Trust: Exploring associations. *Journal of Educational Administration*. 43(5),462-479. doi:10.1108/09578230510615233.
- Rodiah, I., Siti Rahayah, A. dan Noriah, M.I. (2009). Pengaruh Kemahiran Generik dalam Kemahiran Pemikiran Kritis, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) *Malaysia Journal of Learning & Instruction*. VOL. 6 (2009) 103.
- Sattar, M.R. Md Yusuf, Napsiah, Rashid & Roseamnah (2016). Aspek Kemahiran 'Employability' Yang Dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2)(2009): 67 – 79

- Shaari, N. H. (2012). *Model Baru Ekonomi Tinjauan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Siti Halijah, N.& Mohd Faizal, J. (2018). Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semesta Akhir Politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, (3) (19), 01- 18.
- Suleman, F. (2016). Employability Skills Of Higher Education Graduates: Little Consensus On A Much Discussed Subject. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 228(1): 169-174.
- Wan Azhar, W.I. & Wan Muhammad Marzudi, W.M. (2021). Peranan Kokurikulum Dalam Membentuk Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Bekerja Dalam Kumpulan Terhadap Pelajar Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial . Vol. 7 Issue 2 (Special Issue-NASCO 2021) *3rd National Conference in Sports & Co-Curriculum @ PMJB 1*.
- Yahya, B., Khata, M.J., Muhammad Shukri, S., Syed Mohd, S.S.M. & Noorfa, H.M. (2013). Employability Skills Element's: Difference Perspective Between Teaching staff and Employers Industrial in Malaysia. *3rd World Conference on Learning, Teaching and Educational Leadership – WCLTA*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 93 ( 2013 ) 1531 – 1535
- Yorke, M. (2006), "Employability In Higher Education: What it is – What it is not", in Yorke, M. (Ed.), *Learning and Employability*, Series 1, The Higher Education Academy, York. [http://www.heacademy.ac.uk/sites/default/files/id116\\_employability\\_in\\_higher\\_education\\_336.pdf](http://www.heacademy.ac.uk/sites/default/files/id116_employability_in_higher_education_336.pdf).
- Zegward, K.E. & Hodges, D. (2003). Science and Technology Stakeholders' Ranking of Graduate Competencies Part 4: Faculty Perspective. *Asia-Pacific Journal of Cooperative Education*, 4(2), 36-48.